



14 November 2017

**Kenyataan Media YB Dato' Sri Hasan Arifin, Pengerusi Jawatankuasa  
Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Berhubung Pembentangan  
Laporan PAC Parlimen Pengurusan Pembinaan Kolej Tentera Udara  
Di Kepala Batas, Kedah Di Bawah Kementerian Pertahanan  
Malaysia (MINDEF)**

- 1) PAC Parlimen hari ini, membentangkan Laporan PAC berhubung Pengurusan Pembinaan Kolej Tentera Udara di Kepala Batas, Kedah di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) di Dewan Rakyat.
- 2) Isu ini adalah penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2014 Siri 1 yang dibentangkan di Parlimen pada 6 April 2015.
- 3) PAC Parlimen mengadakan Mesyuarat Prosiding berhubung isu ini, pada 15 Mac 2017 dengan memanggil Ketua Setiausaha MINDEF, Datuk Seri Abdul Rahim Mohamad Radzi bagi menjelaskan isu yang dibangkitkan JAN dalam LKAN Tahun 2014 Siri 1.
- 4) Dalam Mesyuarat Prosiding berkenaan, ahli-ahli PAC Parlimen membangkitkan isu-isu seperti berikut:
  - i) Nilai keseluruhan projek belum dimuktamadkan kerana pelarasan harga kontrak masih belum disahkan oleh pihak perunding.
  - ii) Bangunan tidak diduduki sepenuhnya walaupun telah siap dibina.

- iii) Bilik makmal yang terhad dan tidak boleh menempatkan peralatan latihan praktikal boleh menjejaskan sesi pembelajaran di Institut Teknologi Aerospace (ITAS).
  - iv) Jumlah peningkatan bagi pembayaran yuran perunding belum dimuktamadkan kerana nilai keseluruhan projek belum diselaraskan.
  - v) Dokumen kontrak telah lewat disempurnakan selama 16 bulan selepas mengambil kira tempoh 4 bulan yang dibenarkan.
  - vi) Lima Arahan Perubahan Kerja (APK) dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM1.61 juta telah selesai dilaksanakan melalui kelulusan secara prinsip tanpa mendapatkan kelulusan Pegawai Penguasa.
  - vii) Semakan terperinci perlu dibuat di kawasan pembinaan bagi mengesahkan lukisan siap bina bersamaan dengan tuntutan yang dibuat.
  - viii) Cadangan permohonan APK bagi pembinaan pagar jenis anti-cut & anti-climb di Stor Peluru dan Stor Senjata dibatalkan kerana kekangan peruntukan.
  - ix) Sebahagian kerja binaan yang dilaksanakan kurang berkualiti; kemas lantai kurang memuaskan; kerja elektrik & mekanikal tidak sempurna dan kemas di tangga tertanggal.
- 5) Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Parlimen berhubung Pengurusan Pembinaan Kompleks Kolej Tentera Udara, Kepala, Kedah boleh memuat turun (download) laporan berkenaan di laman web PAC di alamat [www.parlimen.gov.my/pac](http://www.parlimen.gov.my/pac)